UTUSAN BORNEO: 20 NOVEMBER 2026

Miliki batu jed curi, pesalah muda kena bon berkelakuan baik selama setahun

KUCHING: Seorang pemuda diperintahkan menjalani bon berkelakuan baik selama setahun oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki harta curi iaitu sebiji batu jed.

Majistret Leona Dominic Mojiliu memerintahkan tertuduh, 20 untuk menjalani bon tersebut dengan jaminan RM1,500 (tidak didepositkan), dengan seorang penjamin tempatan, selari dengan Seksyen 173A(2)(b) Kanun Tatacara Jenayah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Jalan Stutong Baru di sini sekitar jam 3.10 petang pada 21 September 2026.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Fakta kes mendedahkan seorang lelaki berusia 41 tahun (pengadu) tiba di sebuah premis di Jalan Stampin Baru pada 18 September 2026, sekitar jam 10 pagi, dan mendapati pagar masuk bahagian tangga telah terbuka.

Pengadu juga mendapati kunci mangga telah rosak dan terdapat kesan umpilan pada pintu bahagian atas.

Pemeriksaan dilakukan dan beberapa barangan di dalam premis berkenaan didapati hilang.

Antara lain adalah 10 unit pendingin hawa, 10 unit kompresor pendingin hawa, 15 unit soket, empat unit televisyen berukuran 50 inci dan 50 utas gelang kristal pelbagai jenis sehingga membawa kepada anggaran kerugian sekitar RM25,000.

Susulan itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh pada 21 September lalu kerana disyaki terlibat dalam kes berkenaan.



MENGAKU BERSALAH: Tertuduh (kiri, hadapan) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Majistret Kuching selepas dijatuhkan hukuman, semalam. Turut kelihatan, Louis (belakang, dua kiri).

Polis turut merampas sebiji batu jed berwarna-warni yang disyaki dicuri daripada tertuduh semasa tangkapan dibuat, sekali gus mendapati dia telah melakukan kesalahan memiliki barang curi.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani, sementara tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Louis Law Jia Yuan.